

UMSKAL tuan rumah Mesyuarat Bendahari IPTA

UP 9.7.13 B2

LABUAN: Seramai 20 bendahari telah menghadiri Mesyuarat Bendahari-Bendahari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Bil. 65/2013 di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Mesyuarat yang julung kalinya diadakan di UMSKAL itu dipengerusikan Bendahari Universiti Putra Malaysia (UPM), Zulkiflee Othman di Bilik Mesyuarat Seminar, Bangunan Menara UMSKAL. Turut hadir Timbalan Pengerusi, Rizal Othman yang juga Bendahari UMS.

Pada mesyuarat itu, Zulkiflee menyerahkan tugas sebagai Pengerusi Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA yang baru kepada Rizal untuk tempoh dua tahun iaitu pada 2013 hingga 2015.

Sementara itu, Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Khairul Taib dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bayaran Insentif Tugas



RIZAL (tiga kanan) menerima dokumen Pengerusi Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA daripada Zulkiflee di Bilik Mesyuarat UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Kewangan (BITK) juga untuk tempoh dua tahun bagi menggantikan Bendahari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sanip Wahid.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali pula mengucapkan terima kasih kepada urusetia kerana memilih UMSKAL sebagai tuan rumah mesyuarat kali ini.

“Saya bagi pihak warga universiti mengucapkan terima kasih kepada urusetia kerana memilih UMSKAL sebagai tuan rumah mesyuarat kali ini.

“Kehadiran bendahari-bendahari dari 20 IPTA akan memberi peluang kepada mereka untuk mengenali UMSKAL dengan lebih dekat,” katanya.



ZULKIFLEE (empat kanan) dan Rizal (tiga kiri) bersama para bendahari yang menghadiri mesyuarat itu.